



## SIARAN MEDIA

### **'PROJEK SAWAS BERI MANFAAT BESAR KEPADA PENDUDUK RH. HUDSON MADUT, SG. SEBINJAI BAHAGIAN SIBU'**

**SIBU, 17 November 2022:** Keprihatinan dan komitmen Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak sebagai agensi pelaksana untuk membekalkan air bersih dan selamat kepada lebih kurang 300 penduduk Rh. Hudson Madut, Sg. Sebinjai telah dizahirkan melalui pelaksanaan Projek Bekalan Air Alternatif Sarawak (SAWAS) dengan jumlah keseluruhan kos pembinaan sekitar RM2.46 Juta.

Projek SAWAS ini telah mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos 2022 dan memberi manfaat besar kepada para penduduk di rumah panjang tersebut apabila kini mereka telah menikmati bekalan air bersih dan selamat hasil usaha dan perancangan berterusan pihak Kerajaan Sarawak. Skop projek ini melibatkan pembinaan tangki penyimpanan air hujan, pembinaan sistem penapisan, pembinaan tangki aras tinggi serta pemasangan saluran paip air dan paip komunikasi.

Projek SAWAS merupakan salah satu usaha Kerajaan Sarawak yang berperanan untuk menyalurkan bekalan air ke kawasan yang terpencil dan belum menerima bekalan air yang bersih dan selamat. Objektif utama projek SAWAS adalah untuk menyediakan bekalan air bersih dan selamat dengan menggunakan sistem bekalan air yang bersesuaian yang dikendalikan dan diselenggarakan oleh masyarakat tempatan. Projek SAWAS ini adalah bersifat komuniti di mana tanggungjawab untuk pengendalian dan penyelenggaraan terletak pada komuniti tersebut. Namun demikian, pihak JBALB akan sentiasa memantau keadaan loji tersebut dari semasa ke semasa.

Bagi menjamin kualiti bekalan air yang berterusan, JBALB Sarawak akan terus memantau dan memastikan sistem projek SAWAS sentiasa berada dalam keadaan yang baik walaupun projek ini diserahkan kepada komuniti setempat untuk dikendalikan. Pelaksanaan Projek SAWAS yang diilhamkan oleh YAB Premier Sarawak merupakan salah satu usaha berterusan Kerajaan Sarawak untuk mencapai visi liputan 100% bekalan air bersih dan terawat kepada seluruh rakyat Sarawak sekaligus menyelesaikan isu bekalan air secara efektif dan menyeluruh.

**-TAMAT-**

**JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK**